

www.medicmesir.com

2010 INFOPACK



Membentuk Generasi Doktor Muslim Yang Bertaqwa

perubatan.pergigian.farmasi

Alamat

17-1, Jalan Equine 9A, Taman Equine, Bandar Putra Permai, 43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan

Tel: 603 8948 9030 Hotline: 019 3106167 Fax: 603 8942 3827

medicmesir2010@gmail.com

=

MAKLUMAT UMUM PROGRAM PERUBATAN MESIR 2010/2011 (PENGAMBILAN SEPTEMBER 2010)

1. MENGAPA MESIR?

Mesir menjadi pilihan pada masa kini kepada mereka yang berminat untuk menceburi bidang Perubatan atas faktor-faktor berikut:

- a. Kemasukan terus ke Tahun Pertama untuk lepasan SPM, tanpa Matrikulasi, Foundation dan A Level. Ini menjimatkan masa.
- b. Selepas Matrikulasi, peluang kemasukan terhad di Universiti tempatan. Hanya yang hampir dengan CGPA 4.0 atau setarafnya layak mendapat tawaran kursus perubatan. Akhirnya pelajar terpaksa menerima apa saja kursus selain dari perubatan dan akhirnya cita-cita menjadi Doktor tidak kesampaian.
- c. Kos sara hidup amat rendah. RM300- RM500 sebulan sudah amat memadai.
- d. Tajaan MARA & JPA untuk Tahun Pertama khas untuk Program Perubatan amat TERHAD. Namun, peluang tajaan bagi pelajar yang sudah berada diluar negara terbuka luas, jika dipohon setelah lulus Tahun Pertama.
- e. Pengajian Perubatan diMesir lebih murah jika dibandingkan dengan di Rusia, India dan Indonesia.
- f. Pengajian 100% dalam bahasa Inggeris. **Tiada kemahiran Bahasa Arab diperlukan.**
- g. Bumi Mesir menyediakan pelbagai sudut untuk menuntut ilmu dunia dan akhirat, oleh itu pelajar berpeluang membentuk diri sebagai Doktor Muslim yang lebih bermakna kepada ummah.

2. MENGAPA DOKTOR

Kekurangan doktor dimana-mana

WHO menetapkan ratio 1:600, bilangan doktor kepada jumlah penduduk untuk negara membangun. Malaysia hanya mencapai takat 1: 1145 setakat ini. Oleh itu mengikut perangkaan, Malaysia masih kekurangan doktor sehingga tahun 2015. Maka, dengan itu doktor masih diperlukan dan kekurangan amat dirasakan terutamanya dikalangan orang Melayu.

Doktor – Kerjaya mulia

Didalam kajian yang dikepilkan, kerjaya doktor adalah antara yang diminati ramai. Doktor mempunyai nilai yang tersendiri yang tidak boleh dinilai dengan wang ringgit. Hakikatnya, doktor mempunyai imej yang disegani dan dihormati oleh semua lapisan masyarakat. Pendapatan yang lumayan adalah antara faktor tarikan. Kehidupan doktor selalu dikaitkan dengan kehidupan yang selesa dan terjamin.

3. UNIVERSITI YANG DIIKTIRAF JPA

Buat masa ini terdapat 7 buah universiti yang diiktiraf JPA. Semakan ini boleh dibuat di lama web JPA di <http://www.interactive.jpa.gov.my/webinteraktif/frmMainIktiraf.asp>.

1. Cairo University
2. Alexandria University
3. Ainsham University
4. Tanta University
5. Al-Azhar University
6. Mansoura University
7. Zagazig University

4. POLISI PENEMPATAN PELAJAR

Polisi MedicMesir adalah menempatkan pelajar mengikut keputusan SPM serta menilai Tajaan atau kemampuan membayar yuran Tahun Pertama.

Buat masa ini, MedicMesir mempunyai pelajar disemua universiti kecuali Cairo University. Ini adalah kerana yuran Cairo University telah naik mendadak dari 8000USD (RM28,000) ke £8000 (RM48,000 setahun) bermula dari tahun 2009.

5. PILIHAN PROGRAM & JANGKAMASA PROGRAM

Perubatan	:	6 tahun (Tahun 2009-2015) (Pilihan di Alexandria, Ainsham, Cairo, Al Azhar, Mansoura, Tanta & Zagazig)
Pergigian	:	5 tahun (Tahun 2009- 2014) (Hanya di Universiti Al Azhar / Alexandria / Mansoura)
Farmasi	:	5 tahun (Tahun 2009- 2014) (Hanya di Universiti Zagazig / Universiti Mansoura)

6. KELAYAKAN MINIMA

Syarat minima adalah B4 atau B didalam 8 matapelajaran Biologi / Fizik/ Kimia /Matematik Tambahan / Matematik Moden / Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris / Sejarah

7. PROGRAM 3 + 3

Program ini adalah program berkembar universiti tempatan dan universiti di Mesir. Pelajar akan menjalani 3 tahun 'Pre-Klinikal' di universiti tempatan dan 3 tahun 'Klinikal' di universiti Mesir. Syarat kemasukan masih sama. Pelajar diminta membuat permohonan menyertai program ini didalam borang yang dikepilkan. Program ini lebih sesuai bagi mereka yang amat mengharapkan tajaan dari tahun awal. Pelajar yang meletakkan Program 3+3 sebagai pilihan pertama, tidak akan diberikan tempat untuk di universiti Mesir sekiranya mendapat tempat didalam program 3+3 di universiti tempatan.

8. TATACARA PERMOHONAN

- a. Anda dikira LAYAK jika keputusan 8 subjek anda sekurang-kurangnya seperti dipara 6
 - b. Jika anda LAYAK dan sudah membuat keputusan untuk mengikuti Program Perubatan Mesir Pengambilan 2010, sila isikan Borang Permohonan seperti yang dikepilkan.
 - c. Dalam masa yg sama, sila daftar online untuk memastikan pihak MedicMesir mempunyai rekod online anda.
 - d. Bayar Deposit Pendaftaran sebanyak RM500 ke akaun **CampusCity Management, Maybank, 5128 0250 6800**.
 - e. Jika anda ingin mengikuti Program preMedic, sila bayar Deposit Pendaftaran preMedic sebanyak rm500. Bayaran penuh mesti dijelaskan sebelum 15hb April 2010
 - f. **Faxkan Borang Permohonan Program Perubatan Mesir Pengambilan 2010 beserta Slip Bank ke 03 89423827 atau melalui email ke medicmesir2010@gmail.com**
 - g. Surat Pengesahan Tawaran akan dikeluarkan dalam masa 2 minggu setelah semua dokumen diatas diterima selengkapnya.
 - h. Surat tawaran rasmi dari universiti dijangka dapat dikeluarkan sebulan sebelum berangkat.
-

9. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Permohonan adalah berdasarkan kekosongan.

Tarikh akhir menghantar dokumen ke Kementerian Pengajian Tinggi adalah pada 31hb Mei 2010. Pelajar dinasihat menyelesaikan dokumentasi ke pejabat MedicMesir 2 minggu sebelum 31hb Mei 2010. Pelajar yang lewat memohon selepas 15hb Mei 2010 dikehendaki menguruskan dokumentasi Kementerian Pengajian Tinggi sendiri.

10. PERMOHONAN ONLINE DI www.medicmesir.com

- a. Pelajar mestilah mendaftar secara online di 'Blog MedicMesir'. Ini bagi memastikan rekod anda telah dicipta untuk rujukan pejabat dan dimasukkan didalam 'Sistem Maklumat MedicMesir'
 - b. eMel keputusan SPM ke medicmesir2010@gmail.com atau Fax ke 0389423827
 - c. Sila baca INFOPACK.MEDICMESIR.2010. Setelah memahami tatasyarat dalam INFOPACK ini, anda bolehlah memohon secara rasmi menggunakan borang yang dikepilkan.
 - d. **Permohonan rasmi adalah apabila anda melakukan perkara-perkara dibawah:**
 - i. Menghantar dengan lengkap Borang Permohonan Pendaftaran Program Perubatan Mesir Pengambilan 2010 seperti dilampiran.
 - ii. Serahkan semua dokumen yang diperlukan (sahkan semua salinan)
 - iii. Bayaran Deposit : RM500 untuk Deposit Pendaftaran Program Perubatan Mesir Pengambilan 2010
 - iv. Bayaran Deposit preMedic 2010 : RM500 (jika anda ingin menyertai preMedic 2010)
-

11. PROGRAM preMEDIC (MEI-JULAI 2010)

Program preMedic adalah sebagai persediaan asas sebelum melangkah ke Tahun Pertama di Mesir. Program ini adalah kerjasama MedicMesir dan UPM Holding. Pendaftaran program akan bermula pada 2-5petang ,Ahad, 2hb Mei 2010 di Fakulti Perubatan, UPM. Program merangkumi 4 topik utama Pengajian Tahun 1 Program Perubatan iaitu :

- b. Histology b. Human Anatomy c. Physiology d. Biochemistry

Pelajar yang terlibat didalam Program preMedic akan mengikuti kuliah Perubatan secara intensif pada waktu siang dan Kuliah Bahasa Arab pada waktu malamnya. Atas sebab kemudahan asrama yang TERHAD, maka tempat adalah TERHAD .

Oleh itu keutamaan diberikan kepada mereka yang telah **DISAHKAN PENEMPATAN di UNIVERSITI**. Program persediaan **bukan sesuatu yang wajib**, tetapi satu kelebihan bagi mereka yang mengikutinya. Ianya juga bagi memastikan agar pelajar tidak membuang masa sementara menunggu tarikh berangkat, September 2010.

Program preMedic ini amat sesuai untuk lepasan SPM. Ini adalah kerana:

- i. Pelajar lepasan SPM tidak mempunyai sebarang asas Silibus Perubatan seperti pelajar-pelajar lepasan Matrikulasi / A Level / Foundation. Program intensif selama 8 minggu ini akan memberi pendedahan yang terbaik sebelum mereka memulakan sesi pengajian di Mesir kelak
- ii. Pada kebiasaannya, pelajar yang baru sampai akan menerima pelbagai kejutan dan mengambil masa untuk menyesuaikan diri. Oleh itu dalam preMedic menyingkatkan proses penyesuaian pembelajaran ini kelak.
- iii. Program ini juga mampu mengisi masa terluang dari April hingga September 2010. Program berjalan dari Mei hingga Julai dan pelajar boleh mengulangkaji sendiri sehingga September. Ini menjamin masa yang terluang sebelum berangkat akan dimanfaatkan sebaik mungkin.
- iv. Program akan diadakan di Fakulti Perubatan, UPM. Oleh itu pelajar boleh mendapat pendedahan awal di Fakulti Perubatan di Malaysia dan membuat perbandingan bila berada di Fakulti Perubatan di Universiti Mesir.

SESI BERSAMA DOKTOR PAKAR

Sesi bersama pakar bertujuan untuk memberi pendedahan awal berinteraksi dengan doktor pakar didalam bidang tertentu. Yang pentingnya, pelajar boleh mendapatkan tips untuk menjadi 'pelajar perubatan yang berjaya' dari setiap doktor pakar jemputan ini nanti. **Tempat adalah TERHAD. MedicMesir tidak menjangjikan tempat untuk semua pemohon.**

Kos Program selama 8 minggu adalah RM3000. Diskaun 15% untuk 'pendaftaran berkumpulan' minima 10 orang dari sekolah yang sama

Format preMedic termasuk Kuliah / Tutorial / Diskusi bersama Doktor Pakar / pensyarah university dan juga sesi 'praktikal' di makmal. Kos merangkumi:

1. Salinan Buku Teks dari Universiti Mesir
 2. Salinan Nota Kuliah yang disediakan oleh Pensyarah
 3. Ujian Mingguan (akan diadakan pada setiap hari Sabtu)
 4. Bahan Makmal , termasuk 'Disposable Glove' (sesi praktikal di makmal fakulti perubatan)
 5. Asrama yang dilengkapi dengan kemudahan katil 2 orang sebilik dan meja belajar seorang satu.
 6. Makan Tengahari dan Malam
 7. Malam BBQ dan persembahan pelajar
 8. Malam penutup rasmi preMedic 2009
-

12. PROGRAM KOMUNIKASI BAHASA ARAB AMIYAH

Program intensif bahasa Arab akan diadakan selama 94 jam selama 8 minggu sepanjang program preMedic.

Kuliah akan dikendali oleh pensyarah Arab setiap hari dari jam 830-1030 malam

Ujian Bahasa Arab Amiyah akan diadakan setiap hari Sabtu.

KOS TELAH TERMASUK DIDALAM BAYARAN preMEDIC

13. TARIKH BERANGKAT ke MESIR

Semua pelajar dijangka berangkat 2 minggu selepas hari Raya Aidil Fitri 2010. Iaitu sekitar, akhir September 2010. Tarikh akan ditetapkan 1 bulan sebelum berangkat.

14. VISA

Visa kemasukan awal akan diuruskan oleh pihak MedicMesir. Lanjutan VISA pelajar akan dibuat diMesir setelah universiti mengeluarkan surat pengesahan pendaftaran status pelajar di universiti. Kebiasaannya pihak universiti mengambil masa 3 bulan untuk mengeluarkan pengesahan pelajar dan pelajar akan dipandu untuk urusan seterusnya.

15. YURAN PENGAJIAN UNIVERSITI TAHUN SATU

Struktur yuran serta jadual pembayaran adalah seperti di Lampiran A. Pembayaran boleh dibuat melalui bank deraf terus kepada nama 'universiti masing-masing'. Deraf boleh disediakan sendiri oleh keluarga pelajar atau melalui MedicMesir. Ini juga bagi membolehkan masa secukupnya untuk memohon mana-mana bantuan penajaan. Pemohon yang memohon awal dan mendapat surat tawaran awal kebiasaannya boleh membantu didalam mana-mana permohonan biasiswa / tajaan / pinjaman. *Yuran perlu dibayar 3 bulan selepas pelajar mendaftar di universiti iaitu selewat-lewatnya sebelum 1hb Januari 2011 (Kecuali Universiti Al Azhar)*

16. WANG SAKU PELAJAR

Wang Saku RM300- RM500 (500LE-800LE) sebulan amat memadai. Pecahan belanja adalah seperti berikut:

Sewa Rumah	200 LE (tidak perlu bagi yang memilih pakej rumah setahun)
Makan/Minum	150 LE
Lain-Lain	200 LE

Pelajar dinasihati untuk membuka akaun di bawah:

- i: **HSBC** – akaun bersama pelajar dan salah satu ibu / ayah. Pastikan pelajar memegang TAG HSBC mereka sendiri
- ii. **Maybank** – akaun persendirian pelajar. Pastikan pelajar telah aktifkan VISA kad Maybank serta membuka akaun Maybank2u.

17. YURAN KHIDMAT MEDICMESIR

Yuran keseluruhan khidmat MedicMesir adalah RM10,000. Sila rujuk senarai perkhimatan seperti di Lampiran B dan C. Struktur bayaran adalah seperti berikut:

- (a) Deposit Pendaftaran = RM500 (semasa permohonan rasmi dibuat.)
- (b) Bayaran baki RM9500 hendaklah dijelaskan semasa mendapat pengesahan penempatan universiti

Bayaran tunai atau cek , sila bank-in terus ke akaun dibawah. Sila simpan resit bank untuk rujukan kemudian.

Nama Akaun : CampusCity Management / 5128 0250 6800 (Maybank)

Faxkan bank-in slip ke 03-8942 3827 atau scan dan email ke medicmesir2010@gmail.com

18. TIKET KAPALTERBANG

Tajaan bergantung kepada kelayakan pelajar. Pelajar hanya boleh memohon tajaan penerbangan setelah menerima Surat Tawaran Universiti. MedicMesir hanya memberi **panduan** tentang peluang-peluang tajaan yang boleh mereka pohon. Masa yang secukupnya, sekurang-kurangnya 3 bulan diperlukan untuk memproses tajaan ini oleh penaja.

Bagi mereka yang tidak sempat memohon tajaan, kos tiket adalah sekitar RM2500 seorang. Untuk tahun 2010, semua syarikat penerbangan membenarkan 30kg muatan sahaja. Bagaimanapun, bagi pelajar yang ingin membawa lebih muatan, perkhimatan kargo disediakan pada kadar RM60 sekilo.

19. USAHA PENAJAAN

Anda mestilah menyediakan peruntukan kewangan sendiri atau mendapatkan penajaan dari mana-mana sumber yang dikenalpasti. Namun, MedicMesir , akan memaklumkan serta memberi bimbingan saluran-saluran penajaan yang terbuka sebagai usaha tambahan dan akan turut berusaha untuk mendapatkan penajaan bagi pelajar yang benar-benar layak.

Untuk Tahun Kedua, beberapa penajaan seperti MARA, JPA, Yayasan Negeri serta Lembaga Zakat membuka ruang untuk penajaan selepas pelajar **lulus cemerlang** Tahun Pertama. Pelajar akan di maklumkan setiap kali permohonan dibuka.

Saya berharap agar makluman yang dibekalkan memadai sebagai panduan khidmat MedicMesir serta latar belakang pengajian Perubatan di Mesir. **Jika anda berminat , sila lengkapkan Borang serta dokumen yang seterusnya dengan KADAR SEGERA.**

Untuk makluman lanjut , sila berhubung dengan Cik Waheeda di talian 019 310 6167 atau Cik Akmar di talian 019 620 6167. Sekian Terima Kasih

Salam,
Siti Haniza Mohd Nazri, CEO

STRUKTUR YURAN PENGAJIAN UNIVERSITI

LAMPIRAN A

Yuran dibayar pada 1/1/2011. Bayaran deraf boleh disediakan terus atas nama 'universiti' masing-masing

PROGRAM PERUBATAN

Universiti	Program	Tempoh (tahun)	Tahun Pertama	Tahun Ke2-6	JUMLAH KESELURUHAN PENGAJIAN
MANSOURA	Regular	6	USD 8000 (RM28,000)	USD 8000 (RM28,000)	RM168,000
	Problem Based Learning - Mansoura Manchester	6			
Zagazig	Regular	6			
Ainsham	Regular	6			
Alexandria	International Medical Program	6			RM168,000
Al Azhar	Ordinary (Program Berkembar Perubatan & Agama + Tahfiz)	6	2000USD (RM7,500)	8000USD (RM28,800)	RM151,200
TANTA	Ordinary	6	2000USD (RM7,500)	9000USD (RM28,800) (dari tahun 2-5) 10000USD (tahun akhir)	RM168,000

➤ Segala kenaikan yuran akan di maklumkan terlebih awal kepada pelajar-pelajar yang terlibat.

PROGRAM PERGIGIAN

Universiti	Bahasa Penghantar	Tempoh (tahun)	Tahun Pertama	Tahun Ke2-5	JUMLAH KESELURUHAN PENGAJIAN
ALEXANDRIA	Bahasa Inggeris	5	USD 8000 (RM28,000)	USD 8000 (RM28,000)	RM168,000
MANSOURA	Bahasa Arab				
AI AZHAR	Bahasa Inggeris		£1000 (RM6,000)	£2500 (RM15,000)	RM66,000

PROGRAM FARMASI

Universiti	Bahasa Penghantar	Tempoh (tahun)	Tahun Pertama	Tahun Ke2-5	JUMLAH KESELURUHAN PENGAJIAN
ALEXANDRIA	Bahasa Inggeris	5	USD 8000 (RM28,000)	USD 8000 (RM28,000)	RM140,000
MANSOURA					
ZAGAZIG			USD 2500 (RM9,000)	USD 5000 (RM18,000)	RM81,000

MedicMesir tertakluk dengan kadar yuran yang baru sebaik sahaja universiti membuat pengumuman. Jika berlaku, anda akan dimaklumkan secepat mungkin.

KHIDMAT MEDICMESIR

	BUTIRAN
A	<p><i>Sebelum Mendapat tawaran rasmi universiti</i></p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Urusan Terjemahan di Terjemahan Negara / Wisma Putra ✓ Urusan dokumentasi prosesan di Malaysia / Mesir ✓ Urusan Dokumentasi ke KPT Malaysia bila iklan dibuka / Embassy Cairo/ Universiti ✓ Urusan pengeluaran surat tawaran
B	<p><i>Selepas Mendapat Tawaran – Sebelum Berangkat</i></p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Urusan dokumentasi dengan Kementerian setelah mendapat kelulusan universiti ✓ Urusan dengan Wafideen ✓ Urusan penyediaan dokumen berkaitan untuk membantu pelajar mendapatkan penajaan. ✓ Urusan Mendapatkan Penempatan Rumah Sewa (tahun pertama)
C	<p>SEMASA BERANGKAT Urusan Pre-Departure</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Urusan GROUP Check in / Departure di KLIA ✓ Urusan permohonan VISA pelajar awalan (3bulan)
D	<p>SETELAH BERADA DI MESIR Urusan Ketibaan pelajar-pelajar di Cairo</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Urusan sambutan pelajar berkumpul di Cairo ✓ Upah penyewaan pengangkutan barangan pelajar dari Cairo ke destinasi masing-masing ✓ Sewa Bas Khas untuk pelajar ✓ Makanan – Sarapan, makan Tengahari , makan Malam pada hari ketibaan ✓ Rehat di ARMA, Cairo ✓ Lawatan sekitar Cairo (Piramid Spink & Qalaah Salahuddin) ✓ Penyelarasan untuk kemasukan ke penginapan masing-masing
E	<p>URUSAN PENDAFTARAN PELAJAR DENGAN UNIVERSITI</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Menguruskan rekod kemasukan pelajar dengan universiti ✓ Menyelesaikan apa-apa masalah yang timbul antara pelajar dengan universiti ✓ Mempastikan dokumen rasmi dikeluarkan setelah yuran diselesaikan ✓ Memantau prestasi akedemik pelajar dari masa ke semasa
F	<p>KEBAJIKAN PELAJAR-PELAJAR SEMASA DI MESIR</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Merancang program bersama pelajar agar tahap sosial adalah baik ✓ Menyelaraskan kebajikan pelajar, agar sentiasa dibela ✓ Menyokong mana-mana program yang meningkatkan prestasi akademik & keagamaan pelajar ✓ Menyokong mana-mana program yang positif yang dicadangkan persatuan pelajar di Mesir
G	<p>KELAS PERSEDIAAN SEBELUM BERANGKAT</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ preMedic + Bahasa Arab + Medical English.

CHECK LIST PEMBAYARAN

LAMPIRAN C

	CHECKLIST	BILA BAYARAN PERLU DIBUAT	JUMLAH	√
1. DEPOSIT				
1	Deposit Pendaftaran -Deposit termasuk kos terjemahan ITNMB, Wisma Putra, KPT Cairo dan dokumentasi universiti	Sewaktu permohonan	RM500	
2. Program PERSEDIAAN				
2.1	preMedic - Bayaran deposit pendaftaran Program preMedic	Sewaktu membuat permohonan preMedic	RM500	
2.2	Bayaran penuh preMedic+ Bahasa Arab	Sebelum 20hb April 2010	RM2500	
3. YURAN PERKHIDMATAN MEDICMESIR				
3.1	Yuran Khidmat Prosesan	Bila mendapat pengesahan penerimaan masuk ke universiti	RM9500	
4. PILIHAN RUMAH				
4.1	TIADA BAYARAN TAMBAHAN- BAGI YANG MEMILIH UNTUK Mencari RUMAH SEWA SENDIRI		TIADA BAYARAN	
4.2	RUMAH SERTA KELENGKAPAN Deposit rumah + Sewa sehingga June 2010 + Kelengkapan Baru (termasuk Peti Ais 2pintu, Mesin Basuh Automatik, Water Heater, Dapur, Katil, Almari, Tilam, Meja Belajar, Kerusi Belajar) Barang menjadi hak pelajar sampai bila-bila. Pelajar berhak tinggal terus dirumah tersebut.	Perlu dijelaskan sebelum 1hb Mei 2010. Ini bagi memastikan penyewaan rumah dapat dibuat secepat mungkin	RM2500	
5. TIKET KAPALTERBANG				
5.1	TAJAAN PENUH (bagi yg memohon tajaan tiket). TIKET dikeluarkan oleh penaja. RM500 dikenakan utk bayaran pengurusan ke destinasi masing-masing sahaja.	Dibayar sebelum 1hb Ogos 2010	RM500	
5.2	TIKET SEHALA (dgn muatan 40Kg + Pengurusan Pengangkutan di Mesir)		RM2500	
6. MAKAN SEBULAN				
6.1	Makan 30hari yang pertama PERCUMA Tengahari / Malam		PERCUMA	


MedicMesir tertakluk kepada peraturan struktur harga baru tanpa sebarang notis
Segala bayaran yang telah dibuat tidak dipulangkan atas apa jua alasan

CHECKLIST JADUAL TINDAKAN ANDA (lampiran D)

	TINDAKAN	✓
1	Daftar Online di www.medicmesir.com . Ini untuk memastikan rekod online sudah tercipta	
2	Anda dikira LAYAK jika memperolehi minima B didalam 8 subjek utama. Oleh itu, anda boleh memohon terus dengan mengisi Borang Pendaftaran yang dikepilkan.	
3.	Bank in Deposit dibawah: Deposit RM500 - Deposit Promohonan. Deposit RM500 -Deposit preMedic (hanya jika anda memilih menyertai preMedic) Baki preMedic mesti dijelaskan sebelum 20 April 2010	
4.	Fax Borang / Slip SPM / Bank in Slip ke 03 89423827 atau email ke medicmesir2010@gmail.com	
5	Jika anda tidak pasti kursus dan universiti pilihan, pihak MedicMesir akan menghubungi anda selepas menerima Fax serta pendaftaran online diatas.	
6	Setelah menerima Fax Borang serta Deposit, MedicMesir akan mengeluarkan Surat Tawaran Sementara dari MedicMesir untuk pengesahan kelayakan serta tempat di universiti. Ini bergantung kepada kuota penempatan yang diberikan kepada MedicMesir.	
7	Dalam masa 2 minggu, anda perlu melengkapkan semua dokumen dibawah & hantar secara POS EKSPRESS : <ul style="list-style-type: none"> - 20 keping gambar - 10 salinan slip SPM - 10 salinan Kad Pengenalan - 1 salinan ASAL Cabutan Sijil Lahir (juga 10 salinan fotokopi) - 10 salinan passport (perlu diserahkan selewat-lewatnya 15hb April) 	
8	Sekretariat MedicMesir akan mula memproses sebaik sahaja menerima semua dokumen lengkap diatas. Maklum balas dalam masa 2 minggu dari tarikh penerimaan lengkap dokumen.	
9	Baki bayaran perlu dibayar selepas mendapat pengesahan university.	
11	Makluman lanjut berangkat dan lain-lain akan disusuli semasa mengambil surat tawaran universiti	


Segala Pembayaran sila buat ke CampusCity Management, Mayban, 5128 0250 6800

PETA LAKAR KE FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN,
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA, SERDANG



PETA LOKASI PEJABAT MEDICMESIR.COM

17-1, Jalan Equine 9A, Taman Equine, Bandar Putra Permai,
43300 Seri Kembangan
Tel: 03 8948 9030 / 019 3106167



LAMPIRAN G

LOKASI UNIVERSITI (dari Google Earth)



University AinSham / Cairo / AlAzhar

- Terletak di Al Qahirah

Pelajar Islam disaran ikuti pengajian perubatan di Mesir

Oleh Rosniza Mohd Taha
yontza@bharian.com.my

DENGAN pencapaian minimum gred B bagi subjek Sains dan Matematik dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), pelajar boleh terus mengikuti pengajian perubatan di Mesir dan bergelar doktor seawal umur 23 tahun.

Duta Besar Malaysia ke Mesir, Datuk Zainal Abidin Ab Kadir (gambar) berkata hanya universiti di Mesir menerima kelayakan asas berkenaan bagi membolehkan pelajar Malaysia menjalani pengajian bidang kritikal itu di tujuh universiti tertua negara itu dengan kadar yuran berpatutan.

Katanya, universiti terbabit adalah Universiti Al-Azhar yang berusia lebih 1,000 tahun, Uni-

versiti Cairo (174 tahun), Universiti Mansoura (44 tahun), Universiti Ain Shams (56 tahun), Universiti Alexandria (141 tahun), Universiti Tanta (39 tahun) dan Universiti Zaqaziq (41 tahun).

Justeru, Zainal menyarankan lebih ramai pelajar Islam menjadikan Mesir sebagai negara pilihan bagi mendalami pengajian perubatan dalam usaha melahirkan generasi baru doktor Muslim.

Beliau menegaskan khazanah dan kepakaran ilmu perubatan di Mesir setanding dengan negara maju termasuk institut penyelidikan yang aktif dan disegani kerana kejayaan menghasilkan penemuan berkualiti dan bermanfaat untuk masyarakat dunia.

"Mesir adalah pusat universiti tertua di dunia dan ketika ini mempunyai 750,000 pelajar anta-



rabangsa dalam pelbagai bidang termasuk 7,000 dari Malaysia dan 1,100 daripadanya adalah pelajar pengajian perubatan, perigigian dan farmasi di tujuh universiti terkemuka negara itu.

Program pengajian di Mesir dijalankan dalam Bahasa Inggeris dan mengambil masa enam tahun bagi perubatan manakala program perigigian selama lima tahun"

Datuk Zainal Abidin Ab Kadir
Duta Besar Malaysia ke Mesir

"Saya berharap lebih ramai pelajar Islam merembut peluang keemasan mendalami ilmu perubatan di Mesir kerana yuran pengajian yang amat berpatutan serta kos sara hidup serendah RM500 sebulan.

"Berbanding negara lain yang menetapkan kelulusan matrikulasi atau A-Level untuk melanjutkan pengajian perubatan, kemasukan ke universiti di Mesir berdasarkan kelulusan minimum SPM 4B iaitu dalam subjek Fizik, Kimia, Biologi, Matematik atau Matematik Tambahan.

"Justeru, jika pelajar memulakan pengajian perubatan di negara itu pada umur 18 tahun, dia akan bergelar doktor semuda 23 tahun jika mengikuti program perigigian dan 24 tahun bagi perubatan", katanya kepada Berita Harian, baru-baru ini.

Zainal berkata, walaupun kebanyakan pelajar di Mesir kini di bawah tajaan pelbagai agensi seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Mara, Yayasan negeri dan Baitulmal, ramai juga ibu

bapa yang menggunakan wang simpanan sendiri bagi menghantar anak mereka mendalami bidang perubatan di Mesir.

"Ini satu perkembangan yang membanggakan. Jika tradisi tidak bergantung kepada bantuan kerajaan diamalkan sejak dulu lagi, lebih ramai pelajar cemerlang Muslim mendapat manfaat menerima ilmu pengetahuan di luar negara, namun banyak penaja bersedia menyokong pelajar persendirian ini selepas tahun pertama," katanya.

Program pengajian di Mesir dijalankan dalam bahasa Inggeris dan mengambil masa enam tahun bagi perubatan, manakala program perigigian selama lima tahun.

Antara syarikat perunding yang menguruskan penghantaran pelajar mengikuti pengajian perubatan di negara itu adalah Medic Mesir.

DOKTOR MASIH TIDAK CUKUP MENJELANG 2015

Doktor masih tidak cukup menjelang 2015

KUALA LUMPUR - Ketua Penganjur Kesihatan, Tan Sri Dr. Mohd. Ismail Merican menafikan laporan bahawa Malaysia mungkin menghadapi lebihan jumlah doktor menjelang 2015.

"Walaupun benar unjuran menunjukkan Malaysia mungkin dapat mencapai khidmat doktor kepada penduduk pada nisbah 1:600 sebelum 2015, ini tidak bererti kita akan menghadapi lebihan jumlah doktor sebaik saja nisbah itu dicapai," kata beliau dalam satu kenyataan semalam.

Nisbah 1:600 itu diperakukan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai tanda aras umum bagi negara-negara membangun untuk tujuan perancangan.

Mohd. Ismail berkata, ketika Malaysia maju dan berkembang, nisbah ideal bagi bilangan doktor kepada penduduk perlu berganjak ke julat lebih rendah bagi menampung permintaan penduduk yang dijangka lebih tinggi untuk penjagaan perubatan yang lebih peribadi dan berkualiti.

"Kepadatan perlu juga meningkat bagi menampung pertumbuhan dan separa pengkhususan amalan perubatan yang bertambah," katanya. - Bernama

2/1/2014 22/12/08

PENGIKTIRAFAN JPA

















SENARAI UNIVERSITI MESIR YANG DIKTIRAF

PERUBATAN

interaktif
www.jpa.gov.my

Pengiktirafan Kelayakan / Qualification Accreditation

Senarai Kelayakan / List Of Qualification (Sila klik  untuk maklumat lanjut bagi setiap kelayakan)

No.	Negara/Country	Institusi/Institution	Kelayakan/Qualification	Perincian & Penafian/ Detail & Disclaimer
1	 EGYPT	AIN-SHAMS UNIVERSITY	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery	
2	 EGYPT	ALEXANDRIA UNIVERSITY	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery	
3	 EGYPT	CAIRO UNIVERSITY	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery	
4	 EGYPT	MANSOURA UNIVERSITY	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery	
5	 EGYPT	MANSOURA UNIVERSITY	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery secara kerjasama dengan University of Manchester, United Kingdom	
6	 EGYPT	UNIVERSITY AL-AZHAR	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery	
7	 EGYPT	UNIVERSITY OF TANTA	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery	
8	 EGYPT	ZAQAZIQ UNIVERSITY	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery	

PERGIGIAN

interaktif
www.jpa.gov.my

Pengiktirafan Kelayakan / Qualification Accreditation

Carian / Search : |

Cari/Search

Batal/Cancel

Senarai Kelayakan / List Of Qualification (Sila klik  untuk maklumat lanjut bagi setiap kelayakan)

No.	Negara/Country	Institusi/Institution	Kelayakan/Qualification	Perincian & Penafian/ Detail & Disclaimer
1	 EGYPT	AIN-SHAMS UNIVERSITY	Bachelor of Dental Surgery	
2	 EGYPT	ALEXANDRIA UNIVERSITY	Bachelor of Dental Surgery	
3	 EGYPT	ASSIUT UNIVERSITY	Bachelor of Dental Surgery	
4	 EGYPT	CAIRO UNIVERSITY	Bachelor of Dental Surgery	
5	 EGYPT	MANSOURA UNIVERSITY	Bachelor of Dental Medicine and Surgery	
6	 EGYPT	UNIVERSITY AL-AZHAR	Bachelor of Dental Surgery	
7	 EGYPT	UNIVERSITY OF TANTA	Bachelor of Dental Medicine and Surgery	

FARMASI

interaktif
www.jpa.gov.my

Pengiktirafan Kelayakan / Qualification Accreditation

Jenis Pilihan / Searching Option

Negara / Country :

Institusi / Institution :

Bidang / Field of study :

atau / or

Carian / Search :

Cari/Search Batal/Cancel

Senarai Kelayakan / List Of Qualification (Sila klik  untuk maklumat lanjut bagi setiap kelayakan)

No.	Negara/Country	Institusi/Institution	Kelayakan/Qualification	Perincian & Penafian/ Detail & Disclaimer
1	 EGYPT	ALEXANDRIA UNIVERSITY	Ijazah Sarjana Muda Sains Farmasi (Bachelor of Pharmaceutical Science)	
2	 EGYPT	CAIRO UNIVERSITY	Ijazah Sarjana Muda Sains Farmasi (Bachelor of Pharmaceutical Sciences)	
3	 EGYPT	MANSOURA UNIVERSITY	Ijazah Sarjana Muda Sains Farmasi (B.S.C in Pharmaceutical Science)	
4	 EGYPT	ZAQAZIQ UNIVERSITY	Ijazah Sarjana Muda Sains Farmasi (Bachelor of Pharmaceutical Science)	

PROGRAM PERUBATAN MESIR 2010

perubatan,pergigian,farmasi

ALEXANDRIA
MANSOURA
TANTA
ALAZHAR
ZAGAZIG
AINSHAM

كلية طب الأسنان



Yuran Pengajian
Tahun PERTAMA

serendah

RM6999

pelajar MedicMesir kini berada disemua 6 universiti diatas !

lepasan SPM! kemasukan terus ke tahun pertama

HADIR TAKLIMAT

- 21Mac -10-12tghri - Fakulti Perubatan, UPM , Serdang
- 28Mac -10-12tghri - Fakulti Perubatan, UPM , Serdang
- 2 April -10-12tghri - Fakulti Perubatan, USM, Kubang Kerian, KB
- 3 April -10-12tghri - Fakulti Perubatan, UDIM, Kuala Terengganu
- 4 April -10-12tghri - Fakulti Perubatan , UIAM, Kuantan

(sila rujuk www.medicmesir.com utk peta lokasi & terkini mengenai Taklimat. Daftarkan kehadiran anda didalam Borang yang disediakan)

DEPOSIT PENDAFTARAN

RM 500

mohon online sekarang !



6 tahun di Mesir
atau 3+3 ?

Tahun 1,2,3 - di Malaysia
Tahun 4,5,6 - di Mesir !

pilihan ditangan ANDA!

sertai
**PREMEDIC
2010** mei-Julai 2010

Kuliah disampaikan oleh Doktor Pakar / Penoyarah, Fakulti Perubatan, Universiti Tempatan

Mengapa penting menyertai preMedic 2010?

1. Program khas intensif 4 subjek utama tahun 1 Universiti Mesir
2. Pelajar manfaat masa sebaiknya sebelum berangkat bulan September
3. Manfaat kemudahan Fakulti Perubatan universiti tempatan yang canggih
4. Pelajari 4 subjek utama iaitu Histologi, Fisiologi, Anatomi & BioKimia
5. Pendedahan awal dengan subjek sebelum berangkat ke Mesir
6. Kelas Bahasa Arab Amiyah pada sesi malam (jumlah 100jam)
7. Pelajar membuat keputusan samada berminat menjadi Doktor atau tidak!
8. Nota, asrama & makan tengahari & malam disediakan sepanjang program

www.medicmesir.com

17-1, Jalan Equine 9A, Taman Equine,
Bandar Putra Permai, 43300 Seri Kembangan
SELANGOR DARUL EHSAN
(Sebelah Jaya Jusco Taman Equine)
e-mel: medicmesir@gmail.com



03.8948 9030
03.8945 9030
019.310.6167
019.620.6167

Sertai FaceBOOK!!

'MedicMesir INTAKE 2010!!'

sms < nama >

< FB email > ke

0193106167

BORANG MAKLUMAN PEMBAYARAN MELALUI 'BANK IN DIRECT'
SILA FAX KE 03 89423827 atau email ke medicmesir2010@gmail.com

Sila guna borang ni setiap kali untuk memaklumkan pembayaran telah dibuat sekiranya anda membuat bayaran secara terus ke bank dan maklumkan melalui Fax atau email. Kepilkan slip bank in.

MEDICMESIR PENGAMBILAN 2010

Nama Penuh Pelajar	
BAYARAN DIBUAT OLEH: No Telefon / Email (untuk tujuan pengesahan penerimaan bayaran)	

MAKLUMAT BAYARAN

JUMLAH	
MAKLUMAT 'BANK IN'	
TUJUAN BAYARAN	

BORANG PENDAFTARAN PROGRAM PERUBATAN MESIR PENGAMBILAN 2010

(sila lengkapkan Borang ini+ fax beserta SLIP SPM + slip deposit bank ke 03 89423827 / email ke : medicmesir2010@gmail.com)

Nama Penuh		Tarikh	
No K/P		Negeri Lahir	
Alamat Rumah		No Tel Rumah	
		No HP	
		Email	
		YM id (jika ada)	
Nama Bapa		Pekerjaan Bapa	
		No HP	
		Negeri Asal Bapa	
Nama Ibu		Pekerjaan Ibu	
		No HP	
		Negeri Asal Ibu	

Tahun SPM:

Matrikulasi:

Sekolah semasa SPM:

TAHAP	
SPM	
Matrikulasi	
Lain-lain	

SPM	Gred
Bio	
Fizik	
Kimia	

SPM	Gred
Mat Moden	
Mat Tamb.	
Sejarah	

SPM	Gred
BM	
BI	
Bahasa Arab	

Senarai Dokumen

Checklist (sila sahkan salinan oleh Pegawai Kerajaan)	√
20 keping gambar ukuran passport	
10 salinan keputusan SPM	
10 salinan kad pengenalan	
1 salinan asli Cabutan Sijil Lahir	
10 salinan Cabutan Sijil Lahir	
5 salinan Kad Pengenalan Ayah	
5 salinan Kad pengenalan Ibu	
5 Penyata Pendapatan Ibu / Ayah	
10 salinan passport (sebelum 15hb Mei 2010)	

Sila buat pilihan (tandakan v)

preMEDIC + Bahasa Arab – Fakulti Perubatan, UPM	
--	--

Jika anda mendaftar preMedic secara berkumpulan sila maklumkan terlebih dahulu sebelum menghantar borang ini

Universiti	(pilihan 1 & 2)
Perubatan 3 + 3	
Perubatan AlAzhar	
Perubatan Alexandria	
Perubatan Mansoura(Manchester)	
Perubatan Mansoura (Ordinary)	
Perubatan Tanta	
Perubatan Ainsham	
Perubatan Zagazig	
Farmasi Zagazig	
Farmasi Mansoura	
Farmasi Alexandria	
Pergigian Al Azhar	
Pergigian Mansoura	
Pergigian Alexandria	

BAYARAN :

CampusCity Management - Maybank, 5128 0250 6800

Bayaran Deposit Pendaftaran (RM500)	
Bayaran Deposit preMedic (RM500) (pilihan)	

Sila masukkan maklumat pembayaran ini didalam kotak dibawah. Fax dulu borang ini sebelum pembayaran dibuat. Dalam masa seminggu, sila pastikan semua dokumen diminta diatas dihantar secara POS EKSPRESS.

1. Deposit: Jumlah RM	Tarikh:	Tunai/No Chq:
2. preMedic: Jumlah: RM	Tarikh:	Tunai /No Chq: